

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)31

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB ONG AH TEONG**

31. Kemukakan laporan kewangan termasuk perolehan dan kos operasi bulanan Pusat Transit Gelandangan Pulau Pinang (PTGPP), termasuk penggajian kakitangan dan bilangan gelandangan menghuni yang diselamatkan sehingga kini.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

31. Sepanjang tahun 2024, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) telah membelanjakan sejumlah RM532,519.78 bagi tujuan kos pengoperasian Pusat Transit Gelandangan.

Antara pecahan perbelanjaan utama yang terlibat termasuk:

- (a) Bayaran gaji, elaun dan insentif kakitangan adalah berjumlah RM246,830.60;
- (b) Perkhidmatan pengawal keselamatan adalah sebanyak RM158,189.00;
- (c) Kontrak pembersihan & penyelenggaraan, termasuk pembaikan alat pemadam api, sistem CCTV dan pam air BOMBA adalah sebanyak RM93,332.56; dan

- (d) Perbelanjaan pengurusan pejabat seperti pembelian barangan keperluan pejabat, bil utiliti, bayaran sewaan, bahan mentah dan sebagainya adalah sebanyak RM34,167.62.

Perincian perbelanjaan akan turut disertakan bersama jawapan ini bagi memudahkan rujukan lanjut YB Batu Lanchang.

Untuk makluman, Pusat Transit Gelandangan diuruskan oleh tujuh (7) orang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri.

Pusat Transit ini telah mula menerima klien secara rasmi sejak bulan September 2023. Sehingga April 2025, seramai 498 orang gelandangan telah berjaya diselamatkan dan ditempatkan di pusat ini.

Secara keseluruhan, Pusat Transit Gelandangan bukan sahaja menyediakan tempat perlindungan sementara, malah turut berfungsi sebagai pusat sokongan kebajikan dan pemulihan bagi membantu golongan gelandangan membina semula kehidupan mereka.